

PENGURUSAN PERANCAH

SYED MOHAMMAD AL-IDRUS BIN ABD. RAUB

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat ilahi berkat taufik dan hidayah-Nya, akhirnya Projek Sarjana Muda ini dapat disiapkan dengan jayanya mengikut masa yang telah ditetapkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas untuk Encik Norazam Bin Othman selaku penyelia yang tidak pernah jemu membantu dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang diberikan amat dihargai.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak kontraktor di sekitar daerah Johor Bahru yang terlibat sebagai responden bagi kajian ini kerana sudi memberi peluang dan kerjasama dalam menjayakan Projek Sarjana Muda ini. Segala maklumat yang diberikan dalam melengkapkan penyelidikan ini amatlah dihargai.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua Pensyarah Jabatan Ukur Bahan dan rakan sekelas 3SBC serta 3SBQ UTM Skudai yang mana sentiasa memberi galakan dan menghulurkan bantuan dalam proses penyiapan tesis ini. Jutaan terima kasih juga di ucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penghasilan projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Pengurusan perancah adalah penggabungan proses-proses yang terlibat dalam pembinaan struktur perancah. Dari sudut pandangan kontraktor pembinaan, pengurusan perancah juga boleh diolahkan dengan menerangkan faktor-faktor pengurusan perancah terlibat yang penting, iaitu faktor pengurusan pemerolehan, faktor pemasangan dan penceraian, faktor penyelenggaraan, faktor penyimpanan dan faktor keselamatan perancah. Dalam industri pembinaan di Eropah, syarikat-syarikat kontraktor pembinaan menguruskan perancah dengan sistematik dengan merujuk faktor-faktor pengurusan tersebut. Akan tetapi, tiada teori-teori spesifik mengenai adakah terdapat sistem pengurusan perancah yang sistematik, seperti teori dari Eropah tersebut, dalam industri pembinaan di Malaysia. Pernyataan tersebut boleh dilihat sebagai isu kajian ini. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pelaksanaan faktor-faktor dalam sistem pengurusan perancah yang teratur dilaksanakan di tapak bina. Borang kaji selidik telah diedarkan secara rawak dan terus kepada tiga puluh (30) buah syarikat kontraktor pembinaan beserta dengan sesi temu bual terhadap lima (5) syarikat kontraktor lagi yang berdaftar di sekitar daerah Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kontraktor di sekitar daerah Johor Bahru menjalankan sistem pengurusan perancah seperti sistem yang diterapkan di negara-negara Eropah.

ABSTRACT

Scaffold Management is a combination of processes involved in the construction of the scaffolding structure. From the viewpoint of construction contractors, scaffold management can also be rehash with the explanation of the important factors involved in the management of scaffold equipments, that is the factor of acquisition management, installation and divorce, maintenance, storage and the factor of safety of the scaffolding. In the construction industry in Europe, the contractor companies manage their scaffold management systematically using these factors as a reference. However, no specific theories on whether there is a systematic scaffold management system, such as the theory used in Europe, in the construction industry in Malaysia. This statement may be viewed as an issue of this study. Therefore, the objective of this study was to identify the implementation of factors in scaffold management system that is orderly executed in the construction sites. Survey forms have been distributed at random and by-handed, to thirty (30) construction contractor companies and with a session of interview to five (5) construction contractor companies registered in the district of Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Overall, the study found that the construction contractor companies in the district of Johor Bahru did execute scaffold management systematically as with the scaffold management system applied in European countries.